

IKLAN JAWATAN KOSONG



PARLIMEN MALAYSIA

PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT

1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan/ Gred : Pegawai Penyelidik Gred 48 (Terbuka)
- 1.2 Kementerian/Jabatan : Parlimen Malaysia
- 1.3 Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
- 1.4 Taraf Jawatan : Kontrak
- 1.5 Bilangan Kekosongan : Dua (2)

- 2. **GREDDAN JADUAL GAJI** : RM5,118.00 – RM11,634.00 (Gred N48)

3. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- 3.1 Warganegara Malaysia berumur tidak kurang 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 3.2 Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan (Undang-undang/ Sains Politik/ Hubungan Antarabangsa/ Sains Kemanusiaan dan lain-lain bidang yang berkaitan) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 3.3 Mempunyai pengalaman tidak kurang daripada 10 tahun dalam bidang penyelidikan Undang-undang/ Sains Politik/ Hubungan Antarabangsa/ Sains Kemanusiaan dan lain-lain bidang yang berkaitan serta juga pernah menerbitkan/ menulis apa-apa journal atau hasil penyelidikan;
- 3.4 Mendapat kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 3.5 Mempunyai kemahiran menggunakan perisian *Microsoft Office* dan perisian-perisian lain yang biasa digunakan untuk penyelidikan; dan

3.6 Keutamaan akan diberikan kepada calon seperti berikut:

- i) memiliki Ijazah Sarjana dan mempunyai pengalaman penyelidikan dalam bidang Undang-undang/ Sains Politik/ Hubungan Antarabangsa/ Sains Kemanusiaan; dan
- ii) Fasih menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.

4. UJIAN BERTULIS

- 4.1 Calon-calon yang layak perlu menduduki Ujian Bertulis Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang akan dimaklumkan tarikhnya kemudian.
- 4.2 Hanya calon yang berjaya dalam Ujian Bertulis tersebut sahaja akan dipanggil untuk menghadiri peringkat temuduga.

5. CARA-CARA MEMOHON

- 5.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Rasmi Parlimen Malaysia (www.parlimen.gov.my).
- 5.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan) 2012.
- 5.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dengan (dua) 2 *keping gambar terkini berukuran passport (tidak dikembalikan), resume, salinan MyKad, salinan sijil kelahiran, salinan kelulusan akademik, salinan sijil berhenti sekolah, journal/ hasil penyelidikan (jika ada) dan lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan*. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah ditandatangani dan diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Professional (Gred 41 ke atas).
- 5.4 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR
PARLIMEN MALAYSIA
BANGUNAN PARLIMEN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR
(u.p.: Seksyen Pengurusan Sumber Manusia Dan Inovasi)**

6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 01 Oktober 2018

Tarikh Iklan : 14 September 2018

Catatan Am: Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.